



## **WONG ON FOOK**

### **LILIN DI BAWAH BAYU**

*Oleh: Mohd Ghazali Tocheh*

TAK kenal maka tak cinta, itulah perbandingan yang tepat digandingkan dengan titian hayatnya sejak dia mengenal manfaat ilmu dan pengetahuan sehingga kini. Kerana kecintaannya yang mendalam pada pelajaran, dia sanggup belajar di sekolah biasa walaupun penglihatannya bermasalah. Biar pun kerap dirotan ayah kerana pencapaian pembelajarannya yang tidak menggalakkan, itu semua dianggapnya ingatan berguna supaya dia berusaha lebih keras lagi memburu kejayaan. Idamannya mahu menjadi orang berguna, berjasa, berwibawa dan berkarsma pada keluarga, masyarakat, nusa dan bangsa sesudah dewasa sentiasa subur dan berkembang mekar di jambangan hatinya.

Namun semangatnya yang bernyala-nyala dan kesungguhannya yang berapi-api itu sentiasa diancam kepadaman lantaran penglihatannya yang bermasalah jadi penghalangnya yang total. Di tengah-tengah dia meranduk berbagai kesukaran dan kepayahan itulah, keluarganya yang tidak pernah kering kain basahan saban hari menyedari kekurangannya. Setelah disahkan

mengalami penglihatan yang bermasalah dan sukar dipulihkan, keluarganya bersama pihak-pihak tertentu segera mengatur langkah dan bertindak untuk mencerah dan menyemarakkan kehidupannya pada hari-hari mendatang.

Setelah menapak di landasan sebenar, dia mulalah membuktikan kemampuan dan kebolehannya yang pukal menuju puncak jaya. Walaupun pendakiannya dihalang berbagai cabaran sengit, segalanya dilintasinya dengan cekal, tabah dan sabar. Rajin dan usaha itu tangga kejayaan, kata-kata hikmat itu amat sinonim padanya. Setelah tingkat demi tingkat pendakiannya yang sengit dan mencabar berjaya dilewati, perjalanannya akhirnya menapak di mercu jaya.

Wong On Fook dilahirkan pada 19 Februari 1958 di Tenom, Sabah. Dia anak kesembilan daripada sebelas orang adik-beradik. Ayahnya seorang petani dan ibunya pula suri rumah tangga sepenuh masa. Walaupun sejak dilahirkan dia dikatakan sudah mendepani penglihatan bermasalah, seingatnya kecacatannya itu tidak pernah menghalangnya daripada bergiat cergas sama seperti rakan-rakan sebaya yang sihat pandangan. Walau bagaimanapun, untuk mengecam dan mengenal objek-objek dan membaca tulisan-tulisan kecil nyata bermasalah buatnya kalau tidak dirapatkan ke mata.

Dia mendapat pendidikan awal mulai tahun 1965 di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Chen Sin, Tenom menggunakan bahasa pengantar Mandarin. Sejak mula lagi prestasi pencapaian pembelajarannya ketara tidak menggalakkan. Bukan subjek Bahasa Melayu sahaja, subjek-subjek lain yang mengguna-pakai buku-buku teks dan rujukan bertulisan China turut tidak membanggakannya. Ini disebabkan baginya kesemua buku teks dan rujukan bertulisan China amat kecil ukurannya, *tactical* dan teknikal hingga menyulitkannya mengenal, mengecam,

menulis, membaca dan mentelaahnya.

Berikut penglihatannya yang bermasalah hingga mengganggu-gugat kelincinan pembelajaran dan pelajarannya, pada tahun 1967 ketika dia sedang tekun belajar di Darjah Tiga di SRJK Chen Sin, keluarganya telah membawanya ke Klinik Mata di Hospital Tenom untuk mendapatkan rawatan. Hasilnya doktor mengesahkan bahawa dia sememangnya mendepani masalah penglihatan yang sulit untuk diatasi dan dipulihkan. Doktor tersebut turut menyarankan supaya dia segera dihantar belajar ke sekolah orang-orang cacat penglihatan sebelum terlewati.

Ekoran saranan itu, kedua ibu dan bapanya bersetuju dan proses penghantaran ke sekolah khas berkenaan segera diuruskan oleh pihak Hospital Tenom bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat. Setelah menapak di Sekolah Puteri Elizabeth (PES) Untuk Kanak-kanak Buta di Johor Bahru pada tahun 1968, dia memulakan sesi pembelajarannya di Darjah Satu. Di samping mesti mahir dan menguasai tulisan dan membaca braille secara total, dia juga perlu menyempurnakan kesemua subjek pelajaran dengan baik agar setanding dengan titian usianya yang kian meningkat. Kerja keras, rajin dan usahanya nyata berhasil. Di samping pencapaiannya yang menggalakkan, faktor usia juga turut menyebabkan sesi pembelajarannya di peringkat rendah mesti disingkatkan untuk membolehkannya meneruskan pelajaran di peringkat menengah.

Dia memulakan pelajaran menengahnya pada tahun 1972 di Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru. Selepas lulus di dalam peperiksaan Lower Certificate Of Education (LCE) pada tahun 1974, dia melanjutkan lagi pelajarannya ke Sekolah Menengah Tinggi Setapak, Kuala Lumpur. Walaupun lokasi pembelajarannya di situ, penginapan, makan-minum dan kemudahan pembelajarannya bersama rakan-rakan seperjuangan yang belajar di sekolah-sekolah terpilih di

sekitar Kuala Lumpur dipusatkan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Untuk Pelajar-pelajar Cacat Penglihatan Setapak, Kuala Lumpur. Dengan erti kata lain, mereka setiap hari berulang-alik dari situ ke tempat belajar masing-masing menggunakan pengangkutan yang disediakan oleh pihak pentadbiran sekolah berkenaan. Di dalam Peperiksaan Malaysian Certificate Of Education (MCE) yang didudukinya pada tahun 1976, dia beroleh keputusan Gred Dua.

Tiba di peringkat ini, dia tidak lagi meneruskan pelajarannya. Sebaliknya dia balik ke kampung dan membantu kakaknya berjualan buah-buahan di pasar Kota Kinabalu. Sambil itu dia terus berusaha mencari peluang-peluang kerja sesuai dengan kelulusan pelajaran yang dimilikinya. Dia turut memohon masuk ke mana-mana Maktab Perguruan. Dia amat beruntung dan bertuah ekoran permohonannya berjaya dan pada tahun 1978, dia ditawarkan dan diterima masuk ke Maktab Perguruan Gaya, Kota Kinabalu dan menduduki Pengkhususan Perdagangan di Peringkat Sijil Perguruan selama dua tahun.

Sebaik menamatkan pengajiannya di Maktab Perguruan Gaya, pada tahun 1980 dia ditempatkan sebagai Guru di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan All Saints, Kota Kinabalu. Disebabkan kekurangan guru berkenaan di samping menepati pengkhususannya semasa menjalani latihan di maktab perguruan, dia ditugaskan mengajar Subjek Perdagangan untuk pelajar-pelajar di Tingkatan Satu hingga ke Tingkatan Lima di sekolah tersebut.

Selepas beberapa lama berkhidmat, barulah rakan-rakan seperjuangannya dapat mengesan bahawa dia menghadapi penglihatan bermasalah. Namun apa yang didepannya langsung tidak menjelaskan kelancarannya menjalankan tugas sehari-hari secara total. Dia berazam sedaya-upaya untuk tidak menyusahkan guru-guru lain di dalam urusan menyampaikan pelajaran dan pengajarannya pada pelajar-pelajar. Keupayaan penglihatannya yang tinggi

membolehkannya bersendirian membaca dan merujuk nota-nota pelajaran dan pengajaran, menulis di papan hitam, menanda buku-buku latihan pelajar, menyediakan rekod-rekod pengajaran dan lain yang berkaitan. Kesemua tanggungjawab itu mampu dilaksanakannya dengan baik, efektif dan sempurna sama kualitinya dengan guru-guru seiringan yang sihat pandangan.

Selepas lulus peperiksaan MCE, dia tidak lagi balik ke kampung kelahirannya di Tenom. Ini disebabkan pada tahun 1977 kesemua ahli keluarganya telah berpindah tinggal di Kota Kinabalu. Walau bagaimanapun, ayah sudah tidak bersama mereka lagi sejak dia sedang rancak belajar di Darjah Lima di PES. Walaupun ayah sudah pergi buat selama-lamanya, ibu masih lagi bersama-sama mereka sehingga kini.

Namun selama belajar di PES dan Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru dan juga di Sekolah Menengah Tinggi Setapak, Kuala Lumpur, sekurang-kurangnya sekali setahun dia pasti balik kampung bertemu keluarga dan sanak-saudara. Segala perbelanjaan tambang perjalanan dan lain-lain keperluan kewangan ketika itu dibiayai sepenuhnya oleh pihak berkenaan kerajaan. Selain daripada kemahuannya sendiri, rangsangan daripada keluarga dan masyarakat setempat setiap kali dia balik ke kampung nyata turut menyemarakkan lagi semangatnya untuk belajar bersungguh-sungguh. Berkat kerajinannya, berkat doa dan harapan ahli keluarga dan masyarakat sekampung, dirinya sudahpun bertakhta di mercu kejayaan kini sejajar dengan tahap ilmu pengetahuan yang dimiliki. Biarpun sudah jarang-jarang balik setelah menamatkan zaman persekolahannya, kampung kelahiran dan masyarakatnya tetap di dalam ingatan dan kenangannya selagi hayat dikandung badan. Padanya sedikit-sebanyak sama ada secara tidak langsung atau di sebaliknya, mereka turut berjasa di samping keluarga tercinta terhadap nikmat kejayaan hidup yang dikecapinya kini.

Selepas empat tahun berkhidmat di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan All Saints, Kota Kinabalu, pada tahun 1984 dia memohon masuk ke Maktab Perguruan Ilmu Khas (MPIK), Cheras, Kuala Lumpur. Di MPIK dia menduduki Kursus Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Pendidikan Khas. Selepas setahun berlalu dan sesudah menamatkan kursusnya di situ, mulai tahun 1985 dia kembali bertugas. Kali ini dia ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Pekan Tuaran, Sabah. Dia dipertanggungjawabkan sebagai Guru Resos bersama beberapa guru seiringan yang sudah sedia berkhidmat di situ sebelum kedatangannya lagi.

Sekolah Kebangsaan Pekan Tuaran merupakan satu-satunya sekolah yang ada murid-murid cacat penglihatan yang belajar di bawah Program Percantuman bersekali dengan murid-murid yang sihat pandangan. Berasaskan kursus yang diambilnya selama di MPIK sejajar dengan keperluan Program Pendidikan Khas untuk murid-murid cacat penglihatan, pihak berkuasa Jabatan Pendidikan yang berkenaan berpendapat bahawa dia amat kena dan sesuai sekali ditempatkan di sekolah tersebut. Dia dengan beberapa Guru Resos di sekolah tersebut ditugaskan memenuhi keperluan pembelajaran dan pengajaran untuk murid-murid cacat penglihatan.

Dia dan rakan-rakan sejawat dikehendaki menyediakan bahan-bahan pembelajaran untuk memudahkan murid-murid cacat penglihatan belajar bersama-sama murid-murid sihat pandangan. Selain daripada buku-buku teks atau bahan-bahan rujukan dan bacaan, mereka juga turut menyediakan secukupnya bahan-bahan pembelajaran dan pengajaran braille. Bahan-bahan seperti rajah, peta dan lain-lain yang berkaitan untuk keperluan pengajaran Subjek-subjek seperti Matematik, Sains, Geografi dan sebagainya turut disediakan secara braille atau timbul untuk dibekalkan kepada murid-murid cacat penglihatan. Objektifnya di samping memudahkan guru

yang mengajar, kefahaman pembelajaran yang lebih mendalam di kalangan murid-murid cacat penglihatan turut diambil perhatian serius dan diberi penekanan khusus.

Untuk menentukan segala persediaan yang dibuat memenuhi keperluan, dia dan rakan-rakan sejawat sentiasa berbincang dan bekerjasama dengan guru-guru yang mengajar di Kelas-kelas Percantuman. Di samping itu mereka juga turut berperanan sebagai guru ganti apabila terdapat di kalangan guru-guru yang tidak hadir bertugas disebabkan hal-hal yang tidak dapat dielakkan.

Pada tahun 1988, dia telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Kanan Sekolah Kebangsaan Pekan Tuaran. Serentak itu pula dia tidak terbabit lagi dengan pendidikan khas pada murid-murid cacat penglihatan di sekolah tersebut. Sebaliknya dia ditugaskan mengajar Subjek Pendidikan Moral. Belum pun setahun dia menjalankan tugas barunya, Jabatan Pendidikan Sabah dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Khas (JPK), Kementerian Pendidikan Malaysia telah merancang dan membina sebuah sekolah baru khas untuk murid-murid cacat penglihatan di Sabah. Sekolah tersebut berjaya direalisasikan pada tahun 1990. Pada tahun berkenaan juga kesemua murid cacat penglihatan yang belajar di Sekolah Kebangsaan Pekan Tuaran dipindahkan ke sekolah yang baru itu.

Sekolah Rendah Pendidikan Khas Pekan Tuaran, itulah nama institusi pendidikan rendah khas di Sabah yang dikhatuskan untuk murid-murid cacat penglihatan. Dengan perpindahan murid-murid tersebut bermakna Program Kelas Percantuman dan khidmat Guru Resos di Sekolah Kebangsaan Pekan Tuaran khususnya dan di Sabah amnya yang bermula pada tahun 1983 turut diberhentikan. Dia yang jadi Penolong Kanan, Sekolah Kebangsaan Pekan Tuaran pada masa itu bersama Guru-guru Resos lain turut dipindahkan untuk berkhidmat di Sekolah

Rendah Pendidikan Khas Pekan Tuaran. Sebaik berpindah ke situ, dia telah dinaikkan pangkat sebagai Guru Besar sekolah berkenaan sehingga sekarang.

Tugasnya bertambah sesudah menerajui sekolah yang baru ini. Memandangkan murid-muridnya terdiri daripada mereka yang cacat penglihatan dan belajar di peringkat rendah yang pasti memerlukan perhatian sewajarnya, dia, pentadbiran dan guru-guru mula merangka perancangan-perancangan terpilih untuk menentukan operasi menepati sasaran. Walau bagaimanapun, segala perancangan yang diatur sukar diimplementasikan. Ini disebabkan murid-murid terpaksa tinggal menumpang di asrama kepunyaan Pertubuhan Bagi Orang-orang Buta Sabah (PBOBS) yang jauhnya lebih kurang dua kilometer dari sekolah. Justeru itu pihak pentadbiran kenalah menyediakan pengangkutan untuk memudahkan murid-murid berulang-alik pada setiap hari belajar. Mendapati asrama merupakan prioriti pada perkembangan mental dan kemajuan pergerakan pembelajaran murid-murid, pihak pentadbiran telah memohon jabatan pendidikan yang berkaitan membina bangunan asrama berdekatan sekolah. Usaha itu berhasil apabila pada tahun 1992 bangunan tersebut siap dibina dan diduduki.

Di samping bertanggungjawab memberi pelajaran berpandukan sukatan pelajaran yang ditetapkan, dia dan guru-guru juga turut membimbing murid-murid supaya cekap dan mahir mengurus diri, bilik tidur dan lain-lain keperluan peribadi yang berkenaan. Mereka juga sentiasa berusaha untuk menentukan supaya semua murid belajar dengan penuh minat, bersungguh-sungguh dan efektif. Sehubungan itu, kebajikan dan kepentingan murid-murid di dalam segala aspek turut sentiasa dititikberatkan, diberi perhatian dan penekanan khusus menjurus menggalakkan mereka terus rajin belajar.

Disebabkan sebilangan murid-murid terdiri daripada anak-anak keluarga miskin yang

tinggal jauh di pedalaman, ada di antara mereka yang datang ke sekolah tanpa sebarang keperluan asas yang mencukupi sebagai persediaan untuk memulakan pembelajaran. Walaupun kesemua keperluan pelajaran dan pembelajaran ditampung sepenuhnya oleh pihak JPK, namun tidak kesemua keperluan murid-murid tersedia kesemuanya. Atas rasa simpati, tanggungjawab dan sesudah dibenarkan oleh pihak-pihak berkuasa pendidikan, dia dan guru-guru seperjuangan tidak jemu-jemu berusaha mencari dan mendapatkan penaja-penaja yang sudi memenuhi keperluan mereka yang serba kekurangan itu. Tajaan, derma dan sumbangan luar yang berjaya dikutip dan dikumpul seperti pakaian, peralatan belajar dan lain-lain akan segera diagih-agihkan pada murid-murid yang memerlukannya.

Kalau pada mula-mula Sekolah Rendah Pendidikan Khas Tuaran hanya mempunyai tiga orang murid dan beberapa orang guru, kini institusi tersebut sudahpun mempunyai 28 orang murid dan 16 orang guru selepas hampir 15 tahun beroperasi. Ini membuktikan bahawa masyarakat yang memiliki anak-anak cacat penglihatan di seluruh Sabah amat yakin dan percaya dengan khidmat yang mereka berikan. Dia bersama guru-guru seperjuangan begitu gembira dan bersyukur kerana pada setiap tahun pasti ada di kalangan murid-murid sekolah tersebut yang berjaya melangkah ke peringkat menengah sebaik menamatkan persekolahan masing-masing di situ. Pada murid-murid yang gagal meneruskan pelajaran, pihak pentadbiran sekolah dan guru-guru tetap bersyukur dan gembira kerana masing-masing yang bakal kembali ke pangkuhan keluarga atau memasuki mana-mana institusi khas sudah cekap mengurus diri sepadan dengan gaya hidup semasa.

Di samping membuat kerja-kerja amal seperti membawa murid-murid melawat ke lokasi-lokasi terpilih di Sabah, menganjurkan majlis-majlis sambutan hari jadi murid-murid bersama hotel-hotel yang sudi menaja dan sebagainya, dia juga turut bergiat cergas di dalam PBOBS.

Pada tahun 2000 dia telah dipilih menjadi Ahli Jawatankuasa biasa sebelum dilantik sebagai Bendahari Pertubuhan itu pada tahun 2002. Disebabkan PBOBS adalah ahli pada Majlis Kebangsaan Orang-orang Buta Malaysia (NCBM), dia juga mewakili PBOBS di dalam Unit Pusat Sumber Dan Informasi NCBM. Dia pernah dilantik oleh NCBM sebagai Pengerusi Penganjur Braille Karnival yang dilangsungkan di Sabah pada awal tahun 2000an. Di sepanjang perkhidmatannya sehingga sekarang, pada tahun 2001 dia telah dianugerahi Pingat Guru Cemerlang (Melintang) yang diterimanya daripada pihak berkuasa pendidikan.

Dia telah mendirikan rumah tangga pada 18 Februari 1985 semasa dia sedang rancak berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Pekan Tuaran selepas menamatkan Kursus Pendidikan Khas di MPIK, Cheras, Kuala Lumpur. Isterinya Puan Hong Choy Chin berasal dari Teluk Intan, Perak, pun seorang Pendidik dan sedang bertugas sebagai Guru Penolong Kanan di Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) St. John, Tuaran. Mereka berkenalan semasa sama-sama berkursus di MPIK. Buat masa ini mereka sekeluarga sudah pun tinggal menetap di Taman Sinar Baru, Kota Kinabalu. Rumah yang mereka diami sekarang telah dibelinya selepas setahun mendirikan rumah tangga menerusi Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan. Hasil perkongsian hidup mereka sehingga kini, mereka sudahpun mempunyai sepasang cahaya mata. Anak-anak mereka ialah Wong Pie Ying (perempuan) dilahirkan pada 8 Januari 1986 dan Wong Chun Keat (lelaki) dilahirkan pada 23 November 1987 dan masing-masing sedang rancak belajar di Tingkatan Enam Bawah dan Tingkatan Lima di Sekolah Menengah Tshung Tsin, Kota Kinabalu.